

Dengan nama Allah yang Maha Mengasihi lagi Maha Menyayangi

BAB SATU

PENDAHULUAN

...maka berilah khabar kesukaan kepada segala hamba-hambaku iaitu mereka yang mendengar akan perkataan ayat kemudian mengikut mana yang terlebih baiknya. Mereka itulah orang yang telah ditunjukkan Allah dan mereka itulah orang-orang yang mempunyai fikiran sempurna (akal).

(Surah Al-Zumar : ayat 18)

1.1 Pengenalan

Setiap kelahiran dan perkembangan satu-satu bangsa itu haruslah membawa keistimewaan yang tertentu supaya kelak bangsa itu dapat dikenang dan dipegang nilai peradabannya sebagai mempunyai keperibadian jatidiri yang tersendiri. Peribadi istimewa sesuatu bangsa menjadi ciri utama yang akan mengangkat martabat bangsa tersebut sama tingginya dengan tamadun atau peradaban lain yang telah berlangsung dengan jayanya.

Seringkali kebesaran sesebuah negara bangsa dikaitkan dengan peradaban bersifat pembangunan material. Kejelasan bentuk peradaban di dunia ini merapati sinonim pembangunan material berbentuk negara kota, kesenian dan budaya kehidupan yang dibawa turun temurun oleh anak warisan bangsa itu sendiri.

Malah bersandarkan kekuatan empayar negara dengan ciri dan nilai peradaban yang sangat teguh, kehidupan sesuatu bangsa itu (bangsa A) kadangkala mampu melangkaui sempadan negara dan bangsa lain (bangsa B). Walaupun dengan ruang kehidupan peribadi yang berbeza, bangsa B akan berkecenderungan menuruti dan memegang nilai dan norma peradaban bangsa yang menjajahnya iaitu bangsa A.

Bagaimana pula keadaannya setelah beratus-ratus tahun bukti peradaban sesebuah negara bangsa itu tenggelam bersama ruang waktu dan keadaan yang berubah-ubah? Selain dari terlupakan dalam ingatan sebagai sebuah peradaban besar, nama sesuatu negara bangsa tersebut juga tidak akan memberikan signifikannya dalam sejarah dunia.

Hal ini berlaku terutamanya dalam kehidupan sekarang yang tidak banyak melihat sejarah akar umbi dan pembentukan diri tetapi lebih mahu mencari visi masa depan yang bersifat belum pasti. Keadaan inilah yang banyak berlaku kepada peradaban-peradaban awal dunia yang semakin hilang keistimewaan

peribadinya seperti Babylon-Mesopotamia, Empayar Tigris-Euphrates dan juga negara kota Inca (Peru). Sekiranya piramid tumbang di tanah Mesir, harapan untuk kita melihat warisan dunia dan menjelaki keperibadian istimewa bangsa di tanah gemilang Raja-raja Firaun mungkin lenyap. Keadaan akan menjadi bertambah buruk jika tiada usaha dilakukan untuk cuba mengangkat kembali penggalian leluhur bangsa tersebut oleh pihak-pihak berwajib. Namun, piramid dan tamadun sekitar Sungai Nil masih kekal menjadi tatapan umum sebagai bukti kegemilangan satu zaman peradaban raja-raja Mesir meliputi zaman berzaman.

Kewujudan peradaban bangsa dan negara kota yang lebih muda seperti yang terdapat di negara ini iaitu negara bangsa Melayu cuma baru berlangsung di sekitar 600 tahun yang silam. Peradaban ini adalah satu usia peradaban yang beribu-ribu tahun terkemudian berbanding dengan proses peradaban kota Roma, Yunani, India dan China walaupun penghijrahan orang Melayu dari Yunan ke Nusantara dikatakan sudah bermula sekitar tahun-tahun 2500 hingga 1500 sebelum Masihi.¹

Usaha mengangkat sebuah negara bangsa sebagai sebuah peradaban ataupun tamadun harus menampilkan beberapa ciri atau kriteria tertentu bagi menilai keadaan atau tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani

¹ Ismail Hamid, 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka), hlm 3.

masyarakatnya.² Dalam hal ini, kemajuan tersebut turut harus melihat akan perkembangan pemikiran dalam bidang sosial, politik, budaya dan lain-lain.³ Menurut Victor Barnouw dalam membincangkan pembangunan sesebuah peradaban bahawa;

Civilization has sometimes been equated with urbanism or city life, though with the added implication of a more polished way of life - civil, urbane behaviour, in contrast with the roughness and naivete of rural yokels.⁴

Sekiranya peradaban atau tamadun sesuatu bangsa itu merujuk kepada pernyataan tersebut, ini menjadi satu hal yang menyediakan kepada peradaban bangsa Melayu (di Malaysia terutamanya). Dokumentasi peradaban di negara ini masih kurang menyajikan bukti-buktii besar pencejahanan sedemikian. Berapa banyakkah manusia luar menilai kegemilangan manusia Melayu berdasarkan beberapa tinggalan yang tersebar di Melaka yang pernah mashyur sebagai sebuah empayar di Nusantara abad ke-14 hingga 16 Masihi suatu ketika dulu? Penemuan artifak-artifak lama berupa tembikar dan senjata-senjata lama di tapak-tapak arkeologi purba seperti di Perak dan Kelantan masih tidak mampu dilihat sebagai bahan dokumentasi yang cukup pembuktian bagi melihat peradaban Melayu zaman dulu.

² Teuku Iskandar (ed.), 1989. *Kamus Dewan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm 6.

³ *Ibid.*, hlm 1274.

⁴ Victor Barnouw, 1979. *Anthropology*. (Chicago: The Dorsey Press), hlm 155.

Walaupun ada usaha memunculkan kembali bukti keagungan Empayar Melayu Melaka dengan replika-replika prasarana tetapi yang membezakan bangunan-bangunan duplikat ini dengan yang sebenarnya ialah tidak mampu meneruskan dan mewarisi tradisi kehidupan manusia zaman dahulu. Hal ini samalah seperti menjengah ke sebuah rumah kosong tetapi tidak mengetahui hal penghuni di dalamnya.

Pengisbatan makna peradaban bangsa Melayu seolah-olah bertolak pada jalur-jalur yang sudah menjadi ranting kering yang tidak berdaun dan berbuah. Apalagi usaha mengesan akar yang mencengkam tanah yang menjadi kekuatan umbi leluhur bangsa itu bukan sahaja hilang ditelan zaman malah tidak pernah mendapat tempat yang kukuh dalam kehidupan menuju zaman bersifat global dan berkonsep kemajuan moden yang cenderung sains teknologi.

Beberapa tahun kebelakangan ini, apabila wujud kesedaran pencarian jatidiri bangsa semula, seolah-olah telah timbul satu fenomena dalam pengkajian pembangunan peradaban negara bangsa di Malaysia. Justeru, setiap kali pengkaji-pengkaji yang cuba melihat kepada makna Melayu dan manusia Melayu, ciri-ciri peradabannya tersebut ternyata tidak menampilkan satu keistimewaan yang khusus, apalagi masyarakat lebih cenderung melihat diri masing-masing dengan takrifan Melayu Baru sebagai bangsa bersifat global.

Namun begitu dalam beberapa hal yang seperti menjadi fitrah manusia Melayu iaitu ciri-ciri kehidupan yang berkait dengan tingkah laku, bahasa dan kesenian masih mampu memungkinkan ikatan diri kepada nilai peradaban manusia Melayu. Hal ini juga melihat kepada usaha-usaha pihak kerajaan menjadikan nilai dan norma bangsa Melayu sebagai teras utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan sebagai orientasi dan laras pegangan kehidupan pelbagai ras bangsa di Malaysia.

Bagaimanapun, tiga perkara pokok budaya hidup masyarakat Melayu iaitu tingkah laku, bahasa dan kesenian semakin mengalami zaman-zaman godaan sangat besar daripada kehidupan bangsa lain yang dilihat lebih dominan terutamanya yang datang dari Barat.

Melihat manusia Melayu bererti tidak hanya merujuk secara sifat fizikal tubuh atau asal usul tetapi yang paling penting ialah melihat pokok pendirian yang bertolak daripada pemikiran dan perasaan manusia ini. Menelusuri peribadi manusia Melayu bererti harus mengenali ciri-ciri khas yang membawa maksud jati Melayu. Keadaan ini pula sebaiknya dapat menimbulkan istimewanya manusia Melayu pada konteksnya yang tersendiri sebagai isi utama sebuah peradaban. Salah satu ciri utama yang dilihat itu merujuk kepada dokumen tidak bertulis daripada tradisi lisan manusia Melayu yang membawa nilai yang sangat besar kepada peradabannya. Seperti yang dinyatakan R.O Winstedt, sarjana pengkaji hal seni budaya orang Melayu yang sangat terkenal:

For the Modern Malay his old literature, to use a simile from the Panji tales, has become dead as the leather puppets of the shadow-play when the lights of the theatre have been extinguished. But the tales of battle and magic have had a permanent effect on his racial imagination, giving a martial bias to a pastoral people and deepening their superstition. Yet in spite of the drums and trumpets of this foreign romance (which sounded loudest in the half-caste courts of the Silendras and the Sultans of Malacca and their descendants), the heart of the average Malay has remained set on what interested his forebears in days before they had adopted skirts of Hindu pattern and coats and trousers of Indo-Persian origin. From songs of tribal origin he has evolved a number of chronicles, and he has lapped foreign suggestion to polish village quatrains that must have been popular from time immemorial. A hunt through half a million pages of Malay manuscripts will find all that is purely indigenous in an output of histories, the pantun and a few topical verses.⁵

Penampilan keperibadian Meiayu secara awal melalui faktor pensejarahan sastera dirujuk kepada *Hikayat Raja-Raja Pasai* yang dikatakan ditulis pada abad ke-14 Masihi. Dokumen ini bagaimanapun banyak berkisar kepada kehidupan istana. Berbanding dengan ciri-ciri peradaban bersifat artifak, satu budaya kehidupan yang lebih dominan di kalangan seluruh manusia Melayu iaitu tradisi lisan telah berkembang dalam dunia Melayu dalam jangka masa yang sangat lama, seolah-olah sama awalnya ketika proses komunikasi berbahasa berlaku.

⁵ Richard O. Winstedt, 1991. *A History of Classical Malay Literature*, MBRAS Reprint. No. 12. (Singapura: tanpa penerbit), him. Pendahuluan.

Manusia Melayu dalam kehidupan budaya lisannya juga seperti kelompok manusia universal yang lain apabila menerima bahawa kata-kata tidak mempunyai kaki untuk berjalan tetapi pengisahan zaman berzaman terus tersebar merata-rata. Walaupun cerita-cerita tradisi lisan lebih cenderung kepada pengisahan yang tidak jejak di bumi seperti hal-hal kayangan yang sangat popular sebagai cerita-cerita rakyat, secara tidak langsung ia sebenarnya memerikan kehidupan masyarakat Melayu lama. Menurut Winstedt lagi, tradisi lisan bertindak sebagai wacana dokumen yang sangat penting sebagaimana *village quatrains* bertindak sebagai inti utama pengaruh pembentukan tata hidup golongan rakyat Melayu.

Tradisi lisan sebagai budaya komunikasi utama yang turut melibatkan seni sastera dan seni komunikasi bahasa yang lainnya, berlegar di dalam diri manusia Melayu secara mudah tetapi telah membentuk peradaban tinggi yang unggul nilainya. Ini melihat kepada peranan mentifak bertindak sebagai bukti peradaban bangsa walaupun secara jelas ia tidak disokong oleh satu proses dokumentasi dengan sistem teknologi maju bersifat empirikal. Nilai kehalusan yang muncul secara tidak langsung daripada hasil mentifak itulah yang sebenarnya menjadi pembicara paling seni tentang manusia dan bangsa Melayu lama.

Di sinilah dapat dibuktikan bahawa walaupun dalam lipatan peradaban yang jauh lebih muda, manusia Melayu sesungguhnya mempunyai kekuatan

yang sama nilainya dengan peradaban gemilang negara bangsa lain. Satu hal yang cuba dibangkitkan tentang rahsia kekuatan peradaban dan nilai peribadi istimewa bangsanya ialah manusia Melayu zaman lalu sebenarnya diteraju oleh kecemerlangan pemikiran (mentifak). Ciri inilah yang sebenarnya lebih kukuh dan unggul mencetus peribadi manusia yang lebih murni berbanding dengan hasil-hasil artifak dan negara kota yang akhirnya rosak, runtuh dan luput ditelan waktu dan peredaran budaya kehidupan.

Maka, untuk mengembalikan tunjang kekuatan peradaban manusia Melayu yang tercipta sejak sebelum abad ke-13 lagi, satu proses penilaian terhadap dokumen-dokumen dalam apa bentuk **sekalipun** perlu dilakukan. Di dalam usaha mengungkapkan bukti kewujudan kekuatan ini, tiada cara lain yang boleh dilakukan kecuali menjadi manusia pemikir yang merenung dan mencari jawab di mana dan sejauh mana keistimewaan bangsanya. Konsep inilah satu ketika dahulu digunakan secara halus dan tertib oleh manusia Melayu lama mempengucapkan makna peradaban dalam kehidupan mereka.

1.2 FALSAFAH ETIKA, MANUSIA MELAYU TRADISIONAL DAN PANTUN

The Eastern tradition is refreshing in that it is predominantly and forthrightly ethical without purporting to prove what is a matter of commitment and tested cultural practice, and its fundamental message—often appropriately expressed in poetic language...⁶

Dalam menjelaskan tiga hal utama pengkajian - falsafah, manusia Melayu tradisional, dan pantun - subjek yang pertama kelihatannya tidak langsung mempunyai perkaitan dengan subjek kedua dan ketiga. Sangat sukar untuk mencari satu garis selari daripada hal ini ketika mengaplikasi dua subjek daripada bidang berbeza walaupun kini falsafah bukanlah satu kata asing dalam perbendaharaan bahasa Melayu.

Falsafah ternyata satu disiplin dari Barat manakala manusia Melayu tradisional dan pantun adalah bunga dan buah dari pohon yang sama iaitu dunia Melayu. Sebagai satu disiplin yang menurut satu sistem dan seni berfikir secara bijaksana, falsafah sekaligus mengait makna yang besar dengan pemikiran diri dan kehidupan manusia. Apabila maksud atau makna akhir (*the end matters*) itu merujuk kepada hidup, kehidupan dan manusia, baharulah dapat dilihat satu gambaran baru terhadap perkaitan antara ketiga-tiga subjek tadi.

⁶ Ian P. McGreal (ed.), 1995. *Great Thinkers of The Eastern World*. (New York: HarperCollins Publishers), hlm Pendahuluan.

Dengan perkataan Inggerisnya, *philosophy*, falsafah juga disebut sebagai *falsafat*, *filasafat*, *filsafah* atau *pilosofie* sedang perkataan tersebut berasal daripada perkataan Yunani, *pilos* dan *sofos* yang bermaksud “penggemar” dan “ilmu atau hikmat”.⁷ “Hikmat” atau “hikmah” itu menurut pujangga Melayu terkenal, Hamka, bererti “rahsia” terutamanya hal yang tidak kita tahu tetapi ingin sekali kita mengetahui akan rahsianya.⁸ Dan di jagat raya ini, terlalu banyak hikmat atau ilmu yang bertebaran tetapi tidak ada ramai manusia yang mahu mengambil tahu tentangnya.

Secara mudah, falsafah diungkapkan sebagai cara berfikir dengan sistem ilmu bijaksana untuk menjalani hidup dan kehidupan. Al-Farabi (870-950 M), sarjana Islam menganalisis perkataan falsafah daripada perkataan *philosophia* yang kemudiannya dihurai dengan maksud “pecinta bijaksana”.⁹ Falsafah juga adalah induk segala ilmu kerana ia menuntun manusia melihat dan merenung dengan akal fikir akan ilmu dan pengalaman dalam hidup. Falsafah berlangsung dalam semua bidang termasuklah politik, sains dan etika. Lebih penting, disiplin ini melihat sejauh mana ilmu pengetahuan dan pengalaman manusia dapat membantu membentuk peribadi dan hidup manusia menjadi lebih baik dan berada di jalan kehidupan yang benar.

⁷ Hamka, 1995. *Falsafah Hidup*. (Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd), hlm 8.

⁸ *Ibid.*, hlm 8.

⁹ Mana Sikana, 1996. *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm 3.

Bagaimanapun, ada beberapa perkara yang harus dilihat sebagai pelengkap kepada disiplin ini dalam menjadikan ilmu dan pengalaman itu ditangani secara bijaksana. Ini termasuklah nilai-nilai yang dipegang di dalam bidang falsafah, metodologinya dan juga bagaimana bidang ini diorientasikan oleh manusia.

Ketika bidang falsafah muncul pada zaman Yunani hampir lebih 2000 tahun lalu, manusia sudah mempersoalkan "untuk apa" dan "ke mana arah" kehidupannya. Ini bermakna, falsafah itu sendiri satu hal atau ciri yang dengan automatisme bersifat tradisional kerana telah dibawa persoalan falsafah itu turun-temurun sejak beribu-ribu tahun.

Bagaimanapun, aplikasi falsafah pada peringkat awal tidak melihat kepada diri manusia tetapi lebih melihat kepada alam semesta. Pada satu tahap, melalui perkembangan ilmu falsafah oleh para filsuf seperti Socrates (470-399 SM), Plato (427-348 SM) dan Aristotle (384-322 SM), disiplin ini mula memasuki kehidupan manusia, pada diri dan tata kehidupan manusia tersebut.

Di dunia sebelah Timur, ilmu falsafah telah berkembang dengan lebih awal. Ketika ahli-ahli fikir di Yunani seawal Socrates abad ke lima sebelum Masihi menampilkan persoalan baru tentang hal diri manusia, para filsuf di China seperti Confucius (551-479 SM) sudah bergerak lebih jauh. Pemikiran dan ilmu falsafah mereka telah menjelajah ke segenap tingkat kehidupan masyarakat

daripada hal individu sehingga hal mencakupi hal pentadbiran negara. Malah Confucius dalam lingkungan abad yang sama sudah merantau ke pelbagai pelosok negeri China bertujuan menyampaikan fikiran dan ajarannya.

Di India, terdapatnya satu kumpulan pemikir yang idea mereka dikumpulkan di dalam sebuah kitab tua Hindu iaitu *Upanishad* (600 - 400 SM). Idea-idea dari kitab yang bersifat filosofikal dan keagamaan ini banyak merujuk kepada pengisahan berbentuk prosa dan puisi.¹⁰ Bagaimanapun, ajaran-ajaran yang dibawa oleh filsuf dari China dan ahli fikir India seringkali dikaitkan sebagai satu bentuk atau sistem pegangan bersifat keagamaan. Sehingga kini, jalan falsafah yang dibawa oleh Lao Tzu (hidup abad ke-6 SM) dan Siddharta Gautama (563 - 483 SM) iaitu Tao/Dao (*Taoism*) dan Buddha (*Buddhism*) dilihat sebagai satu konsep agama oleh pengikut-pengikutnya.

Bidang falsafah bertebar di kebanyakan kota tamadun awal manusia. Baik di Barat mahupun di Timur, dari peringkat awal dan perkembangan falsafah seterusnya, pemikiran dan ajaran filsuf menjangkau kepada segala bidang. Antara ranting ilmu bidang falsafah yang mendekati kehidupan manusia zaman ini termasuklah estetika, politik, logika, metafizik dan etika. Kadangkala ada bidang lain yang diterapkan konsep falsafah untuk menampilkan idea dan pemikiran kelompok penggunanya seperti falsafah pendidikan, falsafah sukan dan falsafah pembangunan negara.

¹⁰ Ian. P. Mc Greal, *op. cit.*, hlm 155.

Falsafah-falsafah yang lebih cenderung kepada bidang-bidang yang berbeza ini bagaimanapun masih ditunjangi oleh nilai utama disiplin ini iaitu kebijaksanaan. Kebijaksanaan inilah yang dipakai sebagai teras atau akar menggerakkan pemikiran bidang-bidang tersebut untuk berjalan dan berlangsung dalam orientasi masing-masing. Sama ada proses pemikiran falsafah itu berlangsung di Yunani, China mahupun di benua kecil India, kebijaksanaan yang tercatat pada jalan pemikiran falsafah sebenarnya bercorak universal.

Di mana letaknya bidang falsafah terutamanya falsafah etika dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional itu? Berdasarkan manusia Melayu dan budaya hidupnya, nilai falsafah tercatat begitu halus dan tersirat dalam tatacara pemikiran dan aksi kehidupan. Ini juga terlihat pada titik letusan idea, mengemudi tingkah laku sehingga setiap individu Melayu itu bersama-sama secara harmoni membentuk kelompok masyarakatnya. Begitu juga wujudnya falsafah dalam proses kelangsungan kerja, penghasilan hasil-hasil kesenian termasuklah sastera, muzik dan kraftangan yang menampilkan nilai dan rahsia keperibadian manusia Melayu.

Sejauh manakah ilmu falsafah berkembang dalam kehidupan manusia Melayu sejajar dengan lintasan zaman? Adakah benar pernyataan popular bahawa manusia Melayu tradisional lebih harmoni dan lebih murni berbanding dengan manusia Melayu yang ada sekarang? Dalam usaha mengangkat makna

harmoni dan murni itu, tiada yang lebih mutlak selain bahawa masyarakat Melayu dahulu mengatur budaya hidup, membentuk peribadi dan jatidiri bersandarkan kebijaksanaan pemikiran dalam zaman mereka.

Dalam usaha menggali akar umbi keluhuran peribadi manusia Melayu, harus ditelusuri beberapa perkara yang perlu dilihat dalam aspek-aspek terkawal. Antaranya, haruslah dilihat dan dianalisis apa yang sedia ada dan sentiasa bersama diangkat mempunyai hubungan erat dengan manusia Melayu tradisional. Di sinilah terlihat kepentingan dan signifikan tradisi lisan masyarakat Melayu yang masih kekal sebagai dokumen pengisbatan makna kebijaksanaan pemikiran orang Melayu.

Pada satu hal yang lebih jelas, sekiranya tidak mampu diterangkan pemahaman tentang pemikiran Melayu lama bersandarkan artifak peradaban yang berbentuk fizikal, adalah perlu dirujuk usaha-usaha alternatif kepada dokumen-dokumen yang berbentuk mentifik. Walaupun pengkajian tidak berciri secara jelas secara kuantitatif, analisa mampu dilakukan terhadap nilai kualitatif tentang peribadi manusia Melayu berdasarkan dokumen-dokumen ini. Ini menjadi usaha pengisbatan lebih besar terhadap hidup dan kehidupan manusia dengan merujuk kepada pengertian *maxim "less is more"*.

Apabila merujuk kepada dokumen mentifak inilah, satu-satunya wacana ilmu yang sangat dominan dan popular serta mempunyai keintiman yang sangat erat dengan manusia Melayu ialah seni pantun Melayu.

Terbang burung dari selatan,
Dipuput angin sangga bayu;
Bukalah surat dari lipatan,
Lihatlah pantun bahasa Melayu.

Hendak daun diberi daun,
Dalam daun buah bidara;
Hendak pantun diberi pantun,
Dalam pantun ada bicara.

Pada sifat dan pembentukan budaya hidup manusia Melayu tradisional seperti menurut Sutan Takdir Alisjahbana sejak semulajadinya mempunyai kehalusan budi dan tata tertib sopan seolah-olah mereka telah dilahirkan dengan kesempurnaan tersebut.¹¹ Pengkaji adat istiadat dan adat resam Melayu, Syed Alwi Sheikh Al-Hadi menyatakan bahawa orang Melayu sangat terkenal dengan budi bahasa yang lemah lembut dan adab sopannya yang mulia dan terpuji. Masyarakat Melayu menggunakan bahasa-bahasa halus untuk menunjukkan hormat dan tertib dalam kehidupan mereka.¹²

Daripada pernyataan-pernyataan ini, orang Melayu yang disebut itu tidak lain dan tidak bukan adalah mereka dari kelompok leluhur tradisional. Sikap tersebut tidak lagi ketara dalam penghidupan masyarakat Melayu moden yang

¹¹ Sutan Takdir Alisjahbana (penyelenggara), 1971. *Puisi Lama*. (Petaling Jaya: Zaman Baru Ltd.), hlm 1 - 6.

¹² Syed Alwi Sheikh Al-Hadi, 1986. *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm vii.

cenderung kepada budaya popular yang kebanyakannya bersandarkan pengaruh Barat. Sikap tradisional sering dilihat sebagai satu aspek yang sukar diwarisi kerana ia sering terhimpit kerana menurutkan perbandingan perkembangan zaman moden yang dikatakan mengamalkan corak pemikiran dan kehidupan yang lebih terbuka. Bagaimanapun, hal ini adalah satu perkara yang tidak harus menolak antara satu sama lain kerana sifat tradisional itu bukan semata-mata melihat perihal soal perkembangan kehidupan secara material tetapi ia adalah satu soal yang lebih menyeluruh yang menyangkut pemikiran dan perasaan manusia itu sendiri.

Penghayatan sifat-sifat orang Melayu tradisional dalam budaya hidupnya memancarkan persatuan masyarakat dalam kehidupan kerana masyarakat Melayu tradisional adalah masyarakat yang bersifat kolektif. Manusia Melayu hidup dengan tidak ada kepentingan individu masing-masing. Kata-kata dan kalimat yang terungkap dalam kehidupan sehari-hari ialah perasaan dan fikiran yang tercatat pada sifat dalaman diri dan kehidupan. Pemaparan fikiran dan perasaan yang dikaitkan sebagai asli, mulia, suci, pandai, cerdik, tahu aturan dan berilmu¹³ itulah yang terpancar daripada kehidupan manusia Melayu tradisional itu.

Seperti sifat manusia Melayu, pantun kaya dengan seni kias ibarat. Hal ini berlaku kerana sifat orang Melayu sendiri yang sangat mementingkan nilai

¹³ Sutan Takdir Alisjahbana, op.cit., hlm 2.

adab terhadap manusia lain, alam dan Penciptanya dalam mengatur kehidupan secara harmoni. Antara contoh kias ibarat, berbasa basi di kalangan masyarakat ialah ungkapan “tidak apa-apa” . Dalam satu aspek, ia melihat kepada sifat pemaaf manusia Melayu tetapi dalam waktu yang sama frasa ini juga menampilkan kiasan dan basa basi yang sangat halus nilainya.

Kerukunan sifat dan pemikiran manusia Melayu tradisional terungkap dalam seni pengucapan yang dilangsungkan dalam kehidupan mereka. Pantun Melayu merupakan dokumen paling besar buktinya untuk menjelaskan di mana letaknya nilai idea - aksi dan proses kebijaksanaan diri manusia Melayu yang berlangsung penuh tertib dan menurut tatacaranya yang tersendiri.

...They are probably as old as the language itself and yet still alive - a perfect mirror of the Malay world as a whole, and of the Malay soul...they are the finest, cleverest, most effective and touching poetical forms in the literature of the world...¹⁴

Orang Melayu adalah kumpulan yang sangat mudah corak kehidupan bermasyarakatnya (*simple society*) tetapi mempunyai sandaran tertentu seperti seni ungkapan yang membantu mengharmonikan kehidupan bermasyarakat mereka. Tatacara hidup berdasarkan pantun adalah antara lingkungan dan sempadan yang memegang orang Melayu pada tradisi kehidupan murni pada

¹⁴ Daillie, Francois-Rene, 1990. *Alam Pantun Melayu. Studies on the Malay Pantun.* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm 3.

zaman tradisional itu. Nyatanya, tidak akan ada ungkapan kata dan tingkah laku yang tidak diselaraskan dengan kebijaksanaan pemikiran; melalui pencetusan idea dan kelangsungan aksi. Keberhasilan indah daripada proses bijaksana ini, iaitu kehidupan yang murni dan harmoni itu sebenarnya bertitik tolak daripada satu konsep akal fikir dan akal rasa yang dinamakan **budi**. Pantun-pantun Melayu yang diucapkan secara lahir dan batin oleh manusia Melayu itu berteraskan akar umbi yang sangat kukuh yang lahir daripada benih yang bernama budi itu.

Seringkali pantun-pantun yang diklasifikasikan sebagai pantun nasihat ataupun pantun keagamaan secara jelas menampilkan kaedah didaktik dengan budi menjadi tunjang dalam aturan kalimat dan makna. Budi juga muncul secara tersirat dalam pantun-pantun yang menyuarakan rasa cinta muda mudi. Ia juga berdiri dalam sistem ucapannya yang tersendiri menampilkan kehibaan dan untung nasib dalam pantun yang diungkapkan dagang perantau. Pantun dengan isi budi seringkali melagukan nyanyian riang, senda gurau kehidupan manusia Melayu dan dalam masa yang sama ia juga merayu dan bersenandung mengenang sayu hiba "*nasib badan yang celaka*".

Mencari kayu ukur menilai kebijaksanaan manusia seringkali dilihat sebagai satu hal yang bersifat subjektif dan relatif. Ini mungkin sahaja dirujuk kepada pandangan dunia (*worldview*) masing-masing. Namun begitu, bagi hal manusia Melayu, terutamanya dalam melihat hal ini secara jelas pada sifat

kalimat dan bahasanya, secara mutlak ia menampilkan kebijaksanaan yang sangat signifikan terhadap nilai manusia Melayu itu sendiri.

Inilah titik tolak pengkajian penulis untuk mencari satu pembuktian bagaimana falsafah etika sebenarnya telah berlangsung dengan cemerlang di kalangan manusia Melayu tradisional.

Setiap pergerakan aksi hasil letusan kebijaksanaan dilangsungkan dengan nilai sederhana tetapi penuh tertib yang halus. Di sinilah peri pentingnya letak duduknya ungkapan-ungkapan Melayu lama seperti peribahasa, perumpamaan dan bidalan. Inilah inti falsafah kebijaksanaan etika Melayu, mengungkap makna hidup dan kehidupan tidak semata-mata kepada kepentingan diri masing-masing tetapi lebih merenung, mentafsir dan menilai diri dengan orang lain, alam dan Tuhan Maha Pencipta. Orientasi timbalbalas (*reciprocal*) yang tertib dan halus inilah yang menjadi wahana kelangsungan idea dan aksi secara bijaksana.

Falsafah etika menganalisis bagaimana proses kawalan-kawalan kalimat mampu membentuk keperibadian individu manusia Melayu. Lebih menarik ialah seluruh sistem tingkah laku dari idea ke aksi itu berlangsung dalam proses yang sangat mudah (*simple*), semudah kata-kata yang muncul pada pemerian dan perumpamaan terhadap norma dan nilai kehidupan manusia Melayu yang non-

kompleks itu. Inilah yang cuba dilihat pada keintiman tiga subjek di dalam pengkajian ini: falsafah etika, pantun dan manusia Melayu tradisional.

Proses memberi umpama dan memeri bahasa ini melihat kepada seluruh sistem tingkah laku manusia Melayu pada peringkat idea dan aksi dalam membuat perbandingan dan pemerian alam - manusia - Tuhan di dalam kalimat-kalimat yang terpilih. Kalimat yang lahir secara jujur ini tampil spontan pada nada kehidupan Melayu yang bersikap tangkas dan tegas secara tertib.

Bentuk ungkapan yang paling popular, akrab dan signifikan dalam diri manusia tradisional Melayu iaitu pantun membentuk teks paling dominan dalam kehidupan dan zaman tersebut. Ia muncul dalam segenap ruang waktu dan peristiwa dalam hidup individu dan masyarakat. Ia mencatat idea manusia yang menuturkannya dan sekali gus aksi mereka juga. Pantun memerikan inti hidup dan kehidupan manusia Melayu secara langsung dan tidak langsung. Pantun adalah penampilan luhur sebuah dokumen yang menjadi wacana peribadi falsafah etika manusianya. Ia adalah akal fikir dan akal rasa manusia Melayu. Pantun adalah akal budi dan hati budi manusia Melayu.

1.3 KONSEP BUDI

Bermula budi itu pada tubuh manusia seperti raja itulah dalam negeri yang ada hambanya akan berlaku hukumnya, iaitu hifz dan faham dan fikir dan iradat akan menyukakan nyawa yang ada sejahtera dan perhiasan tubuh itu, kerana nyawa pada tubuh manusia seperti pelita itulah dalam rumah yang menerang rumah itu dengan cahayanya, sehingga maka orang yang berbudi itu tiada cinta sekali-sekali, kerana tiada ia berbuat sesuatu pekerjaan yang membawa barang penyesal padanya...¹⁵

Taj as-Salatin

Manusia Melayu sangat terkenal dengan perkataan budi. Bertolak daripada penilaian sebagai konsep kesempurnaan peribadi Melayu, manusia Melayu memakai perkataan budi tersebut di dalam menerangkan nilai-nilai kehidupan manusianya. Frasa-frasa seperti budi bicara, budi pekerti dan budi bahasa mewakili tatacara hidup yang mencakupi pemikiran, perbuatan atau tingkah laku dan pertuturan yang diterima masyarakat sebagai norma dengan nilai yang disanjung tinggi.

Budi kepada manusia Melayu turut bererti bersikap pemurah dan berbuat baik kepada orang lain. Balas membalas budi dalam masyarakat melahirkan

¹⁵ V.I Braginsky, 1994. *Erti Keindahan Dan Keindahan Erti Dalam Kesusastraan Melayu Klasik*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm 208.

semangat kerjasama untuk kebaikan¹⁶. Konsep budi daripada perspektif Islam seperti menurut Abdul Aziz Mohammad ialah,

Budi pekerti atau akhlak adalah lahir dari dalam - merupakan bingkisan (*reflex*) - hati atau jiwa bukan 'luka' (tingkah laku) dibuat-buat secara munafik. Jika hati dan jiwa sudah bersih, baik dan bercahaya maka akan lahirlah budi yang luhur dan jika hati dan jiwa kotor dan tidak bercahaya, maka akan lahirlah budi yang kasar dan hina¹⁷

Yunus Maris mendefinisikan budi sebagai tutur kata, budi bahasa, kejujuran, keadilan, pemurah, timbang rasa, perangai yang baik, watak yang baik, budi pekerti, berterima kasih dan akhlak yang terpuji.¹⁸ Di dalam *Kamus Dewan*, budi membawa maksud akal, kebijaksanaan, perbuatan yang baik, kebajikan, bicara dan daya upaya.¹⁹ Manusia yang budiman dilihat sebagai manusia yang berbudi, berakal dan bijaksana.²⁰

Bagaimanapun, perkataan budi yang diberi imbuhan seperti berbudi bahasa dan berbudi pekerti membawa makna yang lebih melihat kepada konsep nilai sifat perbuatan yang melibatkan konsep budi. Definisi budi secara etimologinya jelas pada akar umbi perkataan budi itu sendiri iaitu daripada kata Sansakerta (Sanskrit) iaitu *budhi* yang bererti akal. Malah sehingga menjangkau

¹⁶ Ismail Hamid, *op. cit.*, hlm 80.

¹⁷ Abdul Halim Othman (penyelenggara), 1993. *Psikologi Melayu*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm 200.

¹⁸ Yunus Maris, 1984. *Kamus Fajar*. (Petaling Jaya: Fajar Bakti), hlm 91.

¹⁹ Teuku Iskandar (ed.), *op. cit.*, hlm 165.

²⁰ *Ibid.*, hlm 166.

kepada definisi yang lebih luas, perkataan budaya itu sendiri (*buddhayah*) merupakan bentuk plural daripada kata budi.²¹

Namun begitu, tulisan-tulisan tentang konsep budi seringkali cenderung memberi pengertian yang menyangkut kepada nilai budi. Konsep budi sering dilihat sebagai kata sifat, berbanding dengan definisi budi yang sebenarnya. Pengembalian makna budi haruslah kepada intinya yang paling penting iaitu akal sebagai cetusan kebijaksanaan yang akhirnya digunakan sebagai hal utama seluruhnya merujuk kepada prinsip falsafah etika manusia Melayu. Peranan akal sungguh penting dalam pembentukan diri manusia orang Melayu sehingga terungkap satu frasa tradisional yang indah dan penuh hikmah: *Padang perahu di lautan, padang hati di fikiran.*

Cetusan kebijaksanaan ini, bagaimanapun, tidak hanya merangkum kepada akal semata-mata iaitu segala letusan dan luahan idea dari kotak fikir. Ia turut melihat renungan diri yang lebih halus kepada tiga penyatuan iaitu :

- i. akal - fikiran
- ii. *qalbu* - perasaan
- iii. jiwa - rohaniah

Daripada tiga penyatuan diri manusia ini, lahirlah dua konsep besar kehidupan orang Melayu iaitu:

²¹ R. Djaka Soeryawan (penyusun), 1984. *Pengetahuan Dasar Tentang Kebudayaan Sunda* (Jil. 1). (Bandung: Lembaga Kebudayaan Universitas Pasundan), hlm 1.

- i. akal budi
- ii. hati budi.

Peranan dua kalimat yang tercantum kepada perkataan budi itu menampilkan kepentingan dua anugerah istimewa dalam diri manusia oleh Allah SWT. Akal digunakan sebagai alat berfikir manakala hati menjadi tempat utama letusan perasaan. Dalam proses manusia melangsungkan apa sahaja, sebermula daripada idea sehingga kepada aksi, begitu juga proses di antara idea dan aksi tersebut, akan merujuk kepada kedua-dua hal ini, akal dan hati. Inilah satu bentuk keselarasan yang paling indah disatukan oleh Allah SWT kepada diri manusia di dalam menentukan segala-galanya. Kedua-duanya mampu bergerak sendiri, menjadi sebahagian daripada salah satunya, tetapi paling utama, akal dan hati sering melengkapi antara satu sama lain untuk melahirkan proses kebijaksanaan yang sempurna bagi seorang manusia.

Hal ini menunjukkan dengan jelas bagaimana akal tidak bertindak sendirian dalam menentukan cetusan idea dan kelangsungan aksi seorang manusia. Walaupun akal menunjangi secara utama pada keadaan ini, dua hal penting yang turut dipegang oleh seorang manusia iaitu *qalbu* atau hati dan jiwa (*spiritual*) sebenarnya membantu menyempurnakan budi. Ketiga-tiga perkara inilah - fikiran, perasaan dan kerohanian - yang membentuk sifat bijaksana bukan sahaja manusia Melayu tetapi kepada seluruh insan di jagat raya ini.

Definisi budi sebelum ini tidak banyak memperlihatkan kepentingan budi daripada kata akarnya yang mampu berdiri sendiri iaitu akal dan bijaksana. Walaupun terdapat tulisan dan pandangan sarjana yang panjang lebar tentang konsep budi sehingga kepada kata budi seperti tulisan Mustafa Haji Daud di dalam bukunya *Budi Bahasa Dalam Tamadun Islam* (1995), namun seperti ada satu kelompongan yang wujud dalam melihat sejauh mana konsep itu tercetus dalam diri manusia Melayu. Keadaan tersebut sebenarnya telah menyempitkan pengertian konsep budi yang lebih luas. Apabila hal ini berlaku, budi tidak berdiri sebagai inti leluhur yang mengikat manusia Melayu kepada kesatuan peribadinya yang istimewa.

Ismail Hamid menyatakan sifat berbudi dan berbahasa itu dianggap sebagai ukuran ketinggian peribadi, dan konsep berbudi dan berbahasa itu adalah sifat mereka yang pandai tutur katanya dengan sempurna dan melayan manusia lain dengan baik.²² Tetapi beliau tidak menerangkan bagaimana konsep budi itu diungkap sebagai proses manusia Melayu itu bertindak sedemikian sehingga mencapai ketinggian peribadi yang sempurna dan baik itu.

Dalam menilai sesuatu, termasuklah dalam soal melihat definisi dan nilai budi haruslah sebaiknya sampai mengungkapkan dengan jelas bagaimana budi itu mencetuskan tingkah laku yang sedemikian; iaitu berbudi pekerti, berbudi bahasa dan baik budi tersebut.

²² Ismail Hamid, *op. cit*, hlm 79.

Menurut Poedjawijatna, budilah yang harus mempunyai pengetahuan yang benar tentang baik dan buruk.²³ Makna dan pengertian budi yang ditampilkan oleh *Kamus Dewan*, akal dan kebijaksanaan itulah sebenarnya memberi maksud terbaik konsep budi walaupun tidak diuraikan dengan baik kecuali melihat definisi budi kepada satu atau dua perkataan lain. Hal ini penting untuk menjelaskan pemahaman bagaimana konsep budi menjadi titik tolak untuk menghasilkan kesempurnaan tingkah laku yang begitu tinggi nilainya di kalangan manusia Melayu.

²³ I.R Poedjawijatna, 1972. *Etika Filsafat Tingkah laku*. (Jakarta: Obor), hlm 38.

1.4 KAJIAN PERSURATAN (*LITERATURE REVIEW*)

Sewaktu kajian mula dijalankan, pengkaji mendapati sangat sukar untuk mencari material yang dapat membantu melengkapkan kerja-kerja penyelidikan terutamanya yang melibatkan material bacaan. Ini adalah kerana kajian yang dilakukan merupakan pertama kali usaha mengangkat bidang falsafah Melayu yang lebih mendalam. Selama ini subjek falsafah sudah banyak mencakupi bidang seni budaya dan bahasa Melayu tetapi tidak menampakkan bagaimana ilmu falsafah bertimbbalbalas dengan subjek dan objek yang mahu diperkatakan.

Kajian persuratan yang dilakukan melibatkan dua bahagian material bacaan: Bahagian A dan Bahagian B. Pada bahagian A terdapat lima jenis material bacaan yang menyentuh tentang manusia Melayu dan kehidupannya. Ini termasuklah buku-buku yang memperkatakan secara teliti akan budaya Melayu, falsafah dan sastera. Lima jenis kajian persuratan yang dilakukan diletakkan di bahagian A seperti yang berikut di bawah ini. Di dalam senarai adalah antara buku yang mempunyai signifikan dengan yang cuba dilihat di dalam pengkajian ini.

1. Buku-buku puisi Melayu tradisional:

- a) *Koleksi Pantun Melayu* (Balai Pustaka)
- b) *Kurik Kundu Merah Saga* (Dewan Bahasa Pustaka)
- c) *Kumpulan Pantun Melayu* (Zainal Abidin Bakar, penyelenggara),

- d) *Sekalung Budi Seuntai Bahasa* (Dewan Bahasa Pustaka).
- e) (*Malay Pantuns*) *Pantun Melayu* (A.W Hamilton).
- f) *Puisi Melayu Tradisional* (Harun Mat Piah).
- g) *Puisi Lama* (Sutan Takdir Alisjahbana, penyelenggara)

2. Buku-buku tentang pantun (separa sastera atau separa budaya):

- a) *Alam Pantun Melayu* (Francois-Rene Daillie)
- b) *Flower In The Sun* (Katherine Sim)
- c) *Pantun Manisfestasi Minda Masyarakat* (Wan Abdul Kadir Wan Yusof, penyelenggara)

3. Buku-buku falsafah (penelitian bidang) dan falsafah bangsa :

- a) *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu* (Mana Sikana)
- b) *Falsafah Tingkah laku* (IR Poedjawijatna)
- c) *The Methods of Ethics* (Henry Sidgwick)
- d) *Ethical Theories In Islam* (Majid Fakhry)
- e) *Etika Jawa* (Franz Magnis-Suseno)
- f) *Jaina Ethics* (Dayand Bhargava)
- g) *Falsafah Etika* (Syed Nasir Omar)
- h) *Falsafah Hidup* (Hamka)
- i) *Orientasi di Alam Filasafat* (C.A Peursen)
- j) *Falsafah Takdir* (Za'ba)
- k) *Alam Fikiran Yunani* (Mohammad Hatta)

4. Buku-buku tentang manusia Melayu (budaya):

- a) *Masyarakat dan Budaya Melayu* (Ismail Hamid)
- b) *Psikologi Melayu* (Abdul Halim Othman)
- c) *The Soul of Malaya* (Henry Fauconier)
- d) *The Malays: A Cultural History* (R.O Winstedt)
- e) *The Real Malays* (Frank Sweetenham)
- f) *The Malay Magician* (R.O Winstedt)
- g) *Manusia Sunda* (Ajip Rosidi)

5. Buku-buku tentang manusia Melayu (sastera):

- a) *A History of Classical Malay Literature* (R.O Winstedt)
- b) *Erti Keindahan dan Keindahan Erti* (V. Braginsky)
- c) *Puitika Sastera Melayu* (Muhammad Haji Salleh)

Di dalam kelima-lima pengelasan kajian persuratan di bahagian A, ternyata tidak pernah ada buku yang mengkaji tentang etika/tingkah laku Melayu dari aspek falsafah secara bersistem. Walaupun ada antara buku tersebut menyatakan sifat-sifat manusia Melayu tradisional dengan teliti tetapi analisa dan kupasan itu tidak diperikan dengan sistematik proses cetusan idea dan kelangsungan sesuatu tingkah laku tersebut.

Hidup manusia Melayu itu disifatkan murni dan harmoni tetapi kerasionalan untuk bersikap sempurna itu tidak diberi perhatian dengan lebih

lanjut. Malah proses pemikiran untuk melangsungkan tingkah laku dan peradaban itu tidak terlihat dengan jelas.

Bagaimanapun, hal ini sebenarnya boleh dilihat kembali pada bidang-bidang yang menceritakan orang Melayu seperti yang tercatat di dalam buku-buku yang disertakan. Bidang falsafah sendiri merupakan bidang yang masih baru kepada manusia Melayu walaupun pada hakikatnya hikmah dan kebijaksanaan pemikiran itu telah berlangsung seawal kehidupan manusia Melayu lagi. Cuma yang menjadi kelompongan di sini ialah pemahaman untuk melihat dengan lebih jelas lagi akan peri bahasa permainan orang Melayu yang sangat halus, seperti pantun itu, tidak dianalisa dari aspek falsafah sebagai induk ilmu.

Justeru, pemikiran dan tata kehidupan manusia Melayu yang berseni dihargai secara *artificial*. Pantun menjadi kata-kata hikmah yang diiktiraf oleh masyarakat tetapi apa yang cuba disampaikan melalui satu proses ilmu bijaksana tidak dapat diungkapkan dengan jelas. Di sinilah pentingnya bidang falsafah sebagai wahana ilmu menganalisis erti kebijaksanaan sesuatu masyarakat.

Selain itu, kajian ini berusaha mengisi satu lagi kelompongan tentang orang Melayu, iaitu memperbetulkan beberapa kesalahan analisa dan pengertian terhadap makna konsep budi yang dipegang manusia Melayu selama ini (Hal ini

telah dijelaskan pada paragraf sebelumnya yang berbicara tentang konsep budi). Kajian ini tidak mampu memberikan kesempurnaan makna tentang bangsa Melayu tetapi ia cuba melengkapkan apa yang tertinggal yang sepatutnya diketahui, difahami dan dihargai oleh manusia tentang ciri istimewanya: **budi**.

Untuk melihat sejauh manakah nilai diri manusia Melayu, analisa perbandingan harus dilakukan berdasarkan negara bangsa lain dan juga ilmu dan pengalaman manusia dari pelbagai aspek, daripada yang bersifat tempatan sehingga yang diterima secara universal. Kajian persuratan di bahagian B lebih bersifat ilmu bantu yang tidak ada hubungan dengan manusia Melayu secara langsung. Bagaimanapun, kajian persuratan ini harus diteliti kerana ia mempunyai kaitan dengan beberapa bidang dalam kajian ini seperti pemikiran dan psikologi.

Material bacaan seperti *Great Thinkers Of The Eastern World* (Ian P. McGreal), *Dialogue Across Civilization* (Roxann Prazniak), *Psikologi Orang Jepun* (Hiroshi Minami) dan *Psychology and The East* (C.G Jung) membantu untuk memberi asas tentang kehidupan dan keperibadian manusia Timur.

Satu lagi kumpulan bacaan pula merujuk puisi sebagai satu bentuk pengucapan seni secara universal dan juga melihat peranan puisi sebagai a way of life. (Bahan-bahan ini berbeza dengan puisi-puisi manusia Melayu di bahagian A). Ini termasuklah buku-buku seperti *Poetry as Discourse* (Anthony

Easthope), *Bunga Rampai Sastera Parsi* (Muhammad Bukhari Lubis), *Puisi Sanskrit* (Ajikik - penterjemah), *Bicara Puisi dan Bicara Penyair Ai Qing* (Obaidellah Haji Mohamad - penterjemah), *Five Arts* (F.E Halliday), *Fine Arts In Islamic Civilization* (M.A.J. Beg), dan *Imagery In Poetry* (Ramarajan Mukerjee).

Selain itu, usaha bagi menganalisis tingkah laku orang Melayu yang tersirat dan tersurat dalam ungkapan tutur kata dan bahasanya merujuk satu lagi kumpulan material yang berkaitan dengan bidang retorik juga mendapat perhatian pengkaji. Walaupun bidang retorik merupakan satu bidang yang datangnya dari Barat, seperti falsafah etika sendiri, manusia Melayu juga mempunyai seni retorikalnya yang jauh lebih halus jika dibandingkan dengan dari Barat dari aspek komunikasi.

Kerana kekuatan kajian ini cuba menampilkan dokumen tradisi lisan iaitu pantun Melayu sebagai seni komunikasi, maka penjelasan di bidang retorik sangatlah kukuh untuk melengkapkan kajian. Antara buku yang dikaji sebagai rujukan adalah *The Theory of Discourse* (James Kinneavy), *Using Rhetoric* (John E. Jordan) dan *Ancient Rhetoric and Poetic* (Charles Sears Baldwin). Walaupun pada aplikasi komunikasi masa kini, seni retorik ini turut dipakai di bidang penulisan, penulis melihat seni pantun pada orientasi asal seni retorikal Melayu sebagai satu seni pengucapan. Ilmu retorik ini adalah untuk membantu pengkajian supaya berjalan di atas landasan ilmu pengucapan yang sebaik-baiknya.

Material bacaan pada bahagian B, walaupun langsung tidak membicarakan tentang manusia Melayu, sangat perlu untuk pengkajian melihat kepada ilmu dan pengalaman dari dunia luar. Ini diharap dapat dibuat perbandingan atau aplikasi kepada dunia Melayu dalam bentuk wacana ilmunya yang tersendiri.

Dalam aspek lain, kajian ini diharap dapat membantu menebarluas hal-hal kesenian dan budaya kehidupan manusia Melayu. Perkongsian idea hasil analisa ini juga mampu membawa kepada pengetahuan baru tentang falsafah hidup manusia Melayu sama seperti keluhuran bangsa lain yang cemerlang dengan peradaban masing-masing.

1.5 HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini bertolak daripada usaha pengkaji untuk melihat makna dan konsep budi di dalam masyarakat Melayu tradisional. Daripada jawaban yang ditemukan, penulis berharap dapat mengisi beberapa hipotesis yang seharusnya menjadi ciri istimewa peribadi manusia Melayu lama. Merujuk kepada bidang falsafah yang digunakan sebagai satu wacana ilmu bagi mengkaji dokumen besar manusia Melayu tradisional iaitu pantun, pengkaji cuba merenungi, menganalisis dan memahami satu pembentukan pemikiran secara bijaksana bertolak dari konsep budi tersebut.

Keselarasan dua hal utama ini diharapkan dapat menemukan satu titik bermulanya proses letusan idea dan kelangsungan aksi yang menepati secara bijaksana yang lahir dari dalam diri manusia Melayu lama. Perlu diingatkan bahawa hipotesis ini bersandarkan kepada manusia yang mempunyai corak hidup yang non kompleks (*a peasant society*) tanpa pendidikan formal kecuali yang berasaskan ilmu dan pengalaman secara tradisi.

Kajian ini diharapkan dapat menemukan jawapan kepada tiga hipotesis yang cuba difahami oleh pengkaji iaitu :

- a. Ilmu falsafah, terutamanya falsafah etika mampu mengungkapkan rahsia dan nilai kebijaksanaan manusia Melayu tradisional bertolak daripada konsep

budi yang intim dengan diri manusia tersebut. Rahsia kebijaksanaan ini diungkapkan dengan penuh keselarasan bertimbabalas pada proses letusan idea dan aksi (tingkah laku) seperti yang tercatat pada kalimat-kalimat di dalam dokumen tradisional Melayu iaitu pantun.

b. Definisi dan makna budi harus kembali pada kata akarnya yang sebenar.

Budi yang bermaksud akal berdiri sebagai tunjang utama diri dan kehidupan manusia. Ia seharusnya dierangkan sebagai buah fikir dan satu gagasan dan tidak cenderung ditafsirkan sebagai kata sifat semata-mata atau yang lebih dangkal, analisa budi cuma melihat kepada tahap nilai manusia. Ia seharusnya ditampilkan pada pendirian kata akar dan dari situ bertolak kepada penghujahan yang lebih tepat dan dapat memahamkan (*do and understand*) akan konsepnya. Hipotesis ini juga diharap dapat memberikan keseragaman kepada makna budi tersebut.

c. Wujudnya konsep keindahan pada seluruh sistem tingkah laku iaitu falsafah etika daripada kacamata seni puisi tradisional pantun Melayu bertitik tolak daripada keindahan budi yang maujud dan mujarad. Analisa ini cuba membuktikan dengan jelas bagaimana keharmonian konsep keindahan dengan konsep kebijaksanaan masyarakat Melayu tradisional itu seperti yang tercatat di dalam pantun Melayu itu berlangsung secara halus, tertib dan penuh kesopanan.

1.6 MATLAMAT KAJIAN

Menurut Abdul Halim Othman di dalam buku *Psikologi Melayu* (1993), pemerian tentang manusia Melayu telah mencapai usia lebih kurang 100 tahun, tetapi belum ada pemerian secara komprehensif tentangnya di bidang psikologi. Bagaimana pula dengan bidang-bidang lain, termasuklah induk segala ilmu iaitu bidang falsafah sendiri? Hamka pernah menulis tentang manusia Melayu di dalam bukunya *Falsafah Hidup* (1995) tetapi manusia Melayu yang dijelaskan di situ ternyata mereka yang menjalankan kehidupan atas nama bangsa Indonesia. Buah tangan Hamka ini dari satu segi masih boleh meletakkan manusia Melayu Nusantara keseluruhannya ke dalam perbicaraannya, apalagi Hamka sangat menekankan agama Islam sebagai sandaran perbicaraan analisanya.

Namun begitu, dalam melihat dan memberi makna proses falsafah hidup, ia masih tidak menggali lebih luas akan sifat manusia Melayu pada satu aspek yang lebih penting iaitu kebijaksanaan pemikiran. Za'ba di dalam tulisannya, *Falsafah Takdir* (1980) turut memperkatakan hal yang sama. Hal ini berlaku mungkin kerana aspek agama Islam yang menjadi pegangan iman dan kepercayaan manusia Melayu oleh Za'ba dan Hamka.

Kajian yang diberi tajuk **FALSAFAH ETIKA MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL: SATU KAJIAN BERDASARKAN PANTUN MELAYU** ini bertujuan untuk merenung, memperkatakan, menganalisis dan mengisbatkan

leluhur kebijaksanaan cetusan aksi dan tingkah laku manusia Melayu tradisional yang berakarumbikan *konsep budi*. Persoalan yang cuba dibangkitkan dan diselesaikan proses pencarian jawabannya di sini ialah bagaimana manusia Melayu menilai dan memakai kebijaksanaan pemikiran mereka di dalam menentukan setiap niat, proses kelangsungan (sebab akibat) perlakuan mereka setiap hari. Pencetusan idea ke aksi melihat hubungan langsung individu dengan individu sehingga mampu membentuk sistem dan memenuhi kerangka hidup yang harmonis.

Bagaimakah manusia Melayu mampu bersandar kepada corak kehidupan yang walaupun kelihatannya sangat mudah (*simple*) tetapi tertib dan beradab sopan ini seperti yang pernah dinyatakan oleh Winstedt, Hamilton, Syed Alwi Sheikh al Hadi dan Sutan Takdir Alisjahbana itu?

Kajian ini sebenarnya tidak berniat untuk meninjau hubungan manusia dengan mana-mana bentuk sistem pemerintahan, jalur sejarah ataupun strata kehidupan yang berbeza. Yang cuba ditampilkan sebagai masyarakat Melayu tradisional itu lebih dekat dengan golongan masyarakat bawahan (*peasant*) yang kelihatannya lebih akrab dengan kesenian rakyat dan tradisi lisan itu sendiri. Matlamat kajian ini ialah melihat manusia Melayu yang biasa yang lebih kerap dipanggil rakyat (*ordinary/common people*). Pantun dilihat mempunyai hubungan yang lebih erat sebagai ungkapan-ungkapan harian (*village quatrains*) dalam masyarakat rakyat (*little traditions*). Namun begitu, untuk

mendapatkan pendokumentasian lebih rasmi, ia sesekali terpaksa menjangkau hingga ke lingkungan istana kerana tradisi penulisan (aksara) bermula di kalangan golongan bangsawan (*Great Traditions*). Bagaimanapun, dalam hal lain yang lebih penting, analisa falsafah ini juga sebenarnya cuba mengungkap rahsia peribadi tiap kata yang dikiaskan seperti yang terakam di dalam pantun Melayu yang lebih dikenal sebagai hak milik rakyat yang kolektif.

Ini memperlihatkan kecenderungan manifestasi kehidupan manusia yang lebih ramai iaitu rakyat biasa berbanding dengan golongan bangsawan/istana sendiri. Setiap kata-kata dan gaya bahasa di dalam pantun Melayu itu lebih memerikan keadaan rakyat biasa dengan lambang-lambang kehidupan mereka. Golongan bangsawan/istana mempunyai sistem pendokumentasian yang tersendiri, yang lebih tersusun di dalam bentuk-bentuk karangan-karangan penulis istana iaitu karya-karya seperti *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Tajus Salatin*, dan *Sejarah Melayu*. Namun begitu, pantun juga terlihat diselitkan dalam tulisan-tulisan tersebut pada kisah-kisah tertentu. Salah satunya terdapat di dalam *Sejarah Melayu*:²⁴

Raja Belawa minjam kuda,
Minjam kuda pada Maulana;
Tuanku nyawa orang muda,
Bertambah `arif bijaksana.

²⁴ Cheah Boon Kheng (Penyusun), 1998. *Sejarah Melayu: The Malay Annals*. (MBRAS Reprint No. 17), hlm 201.

Oleh itu, adalah lebih adil untuk melihat bagaimana keintiman hubungan pantun dengan manusia pemakainya yang lebih akrab dan yang lebih popular disinonimkan dengannya, iaitu masyarakat bawahan atau golongan rakyat biasa. Antara persoalan yang mahu dipertimbangkan jawapannya ialah bagaimana golongan rakyat yang hidup secara mudah tanpa pendidikan secara formal mampu melahirkan satu gagasan idea yang sangat halus tetapi mempunyai makna yang sangat besar dan dominan kepada masyarakatnya.

Melalui usaha pengkajian ini, pengkaji berharap dapat menemukan satu keupayaan daya tahu (akal fikir) dan daya kehendak (akal rasa) manusia Melayu iaitu proses melalui bijaksana itu. Diharap akan dapatlah dijelaskan satu titik proses pemikiran pada hubungan falsafah di dalam membentuk seluruh sistem etika manusia Melayu yang tersendiri.

Pemahaman yang cuba ditimbulkan ialah bagaimana pengkaji cuba menjelaskan bahawa setiap cetusan aksi manusia Melayu dengan sifat-sifat peribadi yang tulen serta murni itu sebenarnya menuntut sebuah proses pemikiran. Hal kebijaksanaan inilah yang tidak pernah disentuh dengan teliti dalam mana-mana penghuraian mengenai pemikiran dan peribadi Melayu sebelum ini. Dalam usaha menelusuri makna kebijaksanaan Melayu, pengkaji berharap mengisi pemahaman bersandarkan bukti-bukti dokumen paling luhur iaitu seni pantun Melayu.

Analisa yang dilakukan juga cuba mentafsir kehalusan makna setiap patah kata yang dipilih dengan mengupas imej maujud dan mujarad pada pemikiran atau peribadi manusia Melayu seperti yang tercatat sebagai kalimat terpilih pantun Melayu.

Matlamat utama pengkajian ialah melihat bagaimana proses pergerakan satu sistem epistemologi sesebuah masyarakat membentuk sistem etika bagi memandu peraturan yang dijalankan ke atas seluruh kehidupan masyarakat tersebut. Pengertian etika di dalam pengkajian ini tidak hanya akan merujuk kepada tingkah laku, perihal tabiat dan perlangsungan perbuatan. Ia turut merujuk kepada tiga perkara utama iaitu akhlak, moral dan etika itu sendiri. Ketiga-tiga perkara inilah yang akan dianalisa merujuk akan peri bahasa dan ayat yang terdapat di dalam pantun-pantun Melayu.

1.7 SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi syarat utama Ijazah Sarjana Sastera pengkaji. Bagaimanapun, ada sebab-akibat yang sangat penting menjadi inti hasrat pengkaji sewaktu mula-mula memilih bidang falsafah etika yang kelihatannya sangat asing kepada kamus ilmu manusia Melayu khususnya hal yang berkenaan dengan zaman tradisional.

Selain hasrat untuk melanjutkan pengkajian tentang manusia Melayu tradisional yang dimulakan sewaktu di peringkat Sarjana Muda, pengkaji juga mengharapkan agar pengkajian sebegini dapat memenuhi satu tanggungjawab peribadi sebagai seorang manusia Melayu. Ia adalah kehendak diri merenung peribadi bangsa sendiri dalam satu usaha dan percubaan mencari dan menggali pemikiran manusia Melayu lama yang sangat murni. Teras pemikiran ini sudah sampai masanya harus diambilpakai semula oleh generasi masa kini dan masa depan.

Apabila meminjam dan memakai budaya bangsa lain, apalagi yang kelihatannya sangat jauh ciri-ciri ruang waktu dan suasana daripada fitrah diri bangsa itu sendiri akan membawa kehancuran dan keruntuhan diri dan bangsa. Inilah yang sebenarnya dalam diam-diam memakan diri bangsa Melayu. Apabila cuma meminjam (bermakna harus dikembalikan semula) sesuatu nilai dan ciri asing yang dipegang dan dalam masa yang sama tidak mampu berdiri

berakarkan warisan leluhur, maka bangsa Melayu akan menjadi manusia terapung-apung. Ini menyebabkan anak bangsa tidak mampu berpijak di bumi sendiri sedangkan dalam waktu yang sama cuba menggapai sesuatu yang bukan lahir sebagai fitrah manusia Melayu.

Masyarakat Melayu tradisional sejak sebelum zaman kebesaran Melaka lagi memang sudah sangat terkenal sebagai manusia berani, pelaut-pelaut yang luas pengalamannya dan sangat setia mempertahankan jatidiri dan keperibadian bangsanya. Sebahagian lagi membentuk masyarakat petani yang sangat jujur berusaha dan bertimbali balas dengan alam dalam keadaan yang sangat sederhana.

Nilai-nilai inilah yang seharusnya mengawal dan membentuk semula kehidupan manusia Melayu zaman ini apalagi ia patut dijadikan kekuatan utama dalam diri sebagai bangsa yang akan bersaing dalam era globalisasi yang semakin mencabar. Dengan sikap berani dan sederhana yang diwarisi daripada leluhur manusia Melayu itu, diharapkan anak cucu negara bangsa ini akan dapat mengekalkan sifat murni dan harmoni dan dalam masa yang sama tidak akan menjadi manusia yang cepat lupa diri.

Bersandarkan falsafah etika sebagai satu ranting induk ilmu falsafah dengan tujuan untuk mencari kebijaksanaan, diharapkan manusia Melayu akan merenung, memikir, menganalisis, memahami dan menghargai apa yang ada di

dalam dirinya dan mereka yang di sekelilingnya. Setinggi-tinggi manapun akan kemegahan sesuatu bangsa itu tidaklah dinilai kepada peninggalan peradaban dalam bukti material atau artifak semata.

Sesuatu peradaban yang cemerlang tanpa keistimewaan yang tersendiri akan berkubur sama seperti yang pernah berlaku kepada peradaban-peradaban dunia tamadun sebelumnya. Di Timur sendiri, peradaban negara bangsa China kekal bukan kerana kemegahan Tembok Besarnya. Pada satu aspek yang lebih penting, negara tersebut sering dirujuk kemajuan ilmu pengetahuan bangsanya sehingga ia tersohor di dunia Islam dengan hadis Nabi Muhammad SAW, "tuntutlah ilmu hingga ke negeri China".

Manusia yang tidak mengenali sejarah jatidiri bangsa, cuma mengisi kehidupannya dengan apa yang ada, meminjam dari dunia luar bagi menerajui perjalanan kehidupannya, seolah-olah mampu mengubah diri dari tradisi lama. Namun, sebenarnya, keadaan manusia itu tetap sama, walaupun ternyata bentuk yang di luar berubah, jauhar yang di dalamnya tetap kosong belaka. Kekosongan yang di dalam itulah yang perlu diisi dengan keperibadian jatidiri sebagai teras menjadi manusia cemerlang tetapi masih kekal berakar umbi.

1.8 METODOLOGI

"The beautiful work of an author, the beautiful poem of a poet, the beautiful painting of a painter or the building of an architect reveal also the inner beauty of these men."²⁵

Al-Ghazali

Metodologi yang dipilih oleh pengkaji untuk kajian ini melihat kepada pendekatan konsep (*conceptual approach*) iaitu **konsep keindahan** yang dipelopori Al-Ghazali (1058-1011 M) di dalam tulisannya *Ihya 'Ulum ad-din*. Konsep ini secara jelas memperlihatkan bagaimana komponen mata fizik dan mata hati yang sangat berkait dengan akal manusia bertindak dalam proses memberi pengaruh kepada manusia dengan pilihan terhadap tindakan-tindakan terbaik di dalam kehidupannya.

Pendekatan konsep keindahan Al-Ghazali ini lebih melihat kepada pendekatan kesusasteraan tetapi dalam hal pengkajian ini, aplikasi konsep Al-Ghazali tersebut akan dimanfaatkan kepada analisa bidang falsafah terutamanya falsafah etika. Selain itu, pengkaji mengambil keputusan untuk turut menggunakan pendekatan konsep sastera yang terlebih dahulu rapat dengan dokumen kajian iaitu pantun Melayu berbanding dengan konsep psikologi dan

²⁵ M.A.J Beg (ed.), 1981. *Fine Arts in Islamic Civilization*. (Kuala Lumpur: tanpa penerbit), hlm 29.

pemikiran yang ternyata sebelum ini tidak terlihat di dalam analisa pencerakinan terhadap pantun dan manusia Melayu sendiri. Cuma yang perlu diingatkan di sini, kajian sebenarnya cenderung dan menggali bidang falsafah dan budaya terhadap pantun dan manusia Melayu berbanding dengan orientasi di bidang sastera.

Metodologi pengkajian ini merujuk kepada pendekatan analisa beberapa disiplin penting yang berkaitan dengan falsafah etika itu sendiri. Tetapi pemilihan disiplin-disiplin ini masih melihat bagaimana perkaitan yang halus dengan orang Melayu bertolak daripada konsep keindahan oleh Al-Ghazali. Malah Al-Ghazali sendiri adalah seorang sarjana Islam yang sangat terkemuka di bidang falsafah dan pemikiran Islam.

Pendekatan konsep keindahan ini akan menerangkan bagaimana budi yang sebenarnya yang wujud dalam diri manusia Melayu menurut tindakan-tindakan mereka dalam hidup. Konsep ini juga akan melihat peranan akal dan proses bijaksana yang terpamer di dalam pantun bagi menentukan pemilihan sebab-akibat yang benar menurut kerasionalan budi manusia Melayu seluruhnya.

Ketahuilah olehmu bahawa orang yang terkongkong oleh imaginasi dan pancaindera barangkali menganggap keindahan dan kemanisan ialah tidak lain daripada harmoni rupa dan kebagusan warna... Memang, keindahan sering disangka manusia sebagai sesuatu yang menarik pandangan dan

paling sering disangka manusia sebagai sesuatu yang menarik pandangan dan paling sering manusia melihat kecantikan manusia (lain). Oleh itu dia mungkin berfikir: mustahil membayangkan keindahan sesuatu yang tidak dilihat mata, yang tidak terjangkau imaginasi, yang tidak mempunyai rupa dan warna...Ini jelas satu kesesatan. Keindahan tidak terbatas dalam rangka benda-benda yang dapat dilihat dan tidak pula merupakan sekadar keselarasan bentuk dan rupa yang penuh harmoni ataupun kesepadan kulit putih dan merah pipi... Ketahui olehmu bahawa sesuatu yang tidak dirasakan oleh pancaindera boleh juga dikira indah dan baik...Ketika orang berbicara baik tentang akhlak mulia maksudnya adalah pengetahuan, kecerdikan, budi bahasa, keberanian, iman kukuh, kemurahan hati, dan lain-lain sifat baik. Banyak daripada sifat-sifat tersebut dihayati bukannya dengan pancaindera, tetapi dengan sinar akal...Meskipun sebuah imej maujud atau mujarad imej itu sama dihiasi keindahan dan daya memikat hati, tetapi imej yang dapat dilihat (maujud) terdedah kepada penglihatan, manakala imej dalaman (mujarad) dicerap dengan akal. Yang tidak memilih akal itu tidak sedar akan imej mujarad, tidak senang kerananya, tidak mencintainya dan tidak pula cenderung kepadanya, sedangkan yang memiliki akal yang lebih kuat daripada pancaindera lebih mencintai mujarad daripada maujud.²⁶

Al-Ghazali
"Ihya 'Ulum ad-Din"

Pengertian metodologi yang mahu dilihat daripada penghayatan keindahan proses kebijaksanaan akal budi oleh Imam Ghazali/Al-Ghazali itu akan turut ditemani oleh pengertian erti keindahan seperti yang dinyatakan oleh Vladimir Braginsky di dalam bukunya, *Erti Keindahan dan Keindahan Erti* (1994). Metodologi ini dipilih untuk mencari titik tolak yang jelas

²⁶ V.I Braginsky, *op. cit.*, hlm 6

pada bukaan lipatan pertama yang melihat sifat maujud akan hubungan budi: akal (fikiran), *qalbu* (perasaan) serta kerohanian dan kelangsungannya dengan seluruh sistem etika manusia Melayu. Membuka lipatan kedua pula akan merenung perihal sifat mujarad dalam konsep keindahan ini terpancar pada dua subjek diri manusia Melayu, iaitu sikap dan pemikiran seperti yang dizahirkan melalui kalimat-kalimat pantun Melayu.

Konsep keindahan yang dinyatakan oleh Al-Ghazali cenderung kepada kekuasaan Pencipta yang menjadikan setiap manusia itu istimewa, terutamanya pada penggubahan pemikiran yang berlangsung secara jelas dengan perasaan (*qalbu*) dan kerohanian. Manakala, erti keindahan yang cuba dibawa oleh Braginsky pula melihat akan keakraban makna dalaman erti keindahan itu sendiri pada setiap keindahan erti (merujuk kepada pemilihan kalimat teks - pantun Melayu). Walaupun apa yang dibawa Braginsky lebih bersandarkan karya-karya kesusasteraan, tetapi secara nyata ia turut menuntun kepada jalan falsafah yang dipimpin secara rasional menerusi setiap makna pada erti dan keindahan erti yang diungkapkan.

Kepada subjek pengkajian iaitu pantun Melayu, adalah sangat bertepatan pemilihan aplikasi metodologi tersebut. Ini kerana pantun Melayu bukanlah sekadar rangkaian kata yang bermaksud cinta kasih sayang, hiburan atau peringatan nasihat semata-mata. Setiap erti yang ada di dalam pantun itu membawa pengertian makna yang sangat dalam terutama pada permainan kias

ibaratnya. Apatah lagi jika diteliti kepada unsur luaran dan dalaman yang menyumbang dan melengkapkan pantun itu sendiri seperti rima, asonansi, aliterasi, kata-kata terpilih, bentuk susunan malah hingga ke jeda penyebutan di dalam sebuah pantun mempunyai erti dan makna yang terperinci dan tersendiri.

Pantun Melayu dengan salah satu definisinya bersifat perumpamaan, perbandingan atau analogi menampilkan secara tepat hubungan keindahan maujud dan mujarrad ini dengan keselarasan kebijaksanaan akal budi dan hati budi kehidupan manusia Melayu.

Selain pendekatan konsep keindahan ini, terdapat beberapa lagi analisa falsafah yang akan diambil daripada tiga persepsi ilmu falsafah iaitu daripada alam falsafah klasik (Yunani) terutamanya yang merujuk kepada konsep dialektik Socrates, Plato dan Aristotle. Begitu juga dua lagi pemerhatian ialah ke atas alam falsafah Timur dan yang bakal menuntun metodologi kerohanian, sudah tentu akan dipastikan ikatan daripada alam falsafah Islam.

Namun begitu, beberapa pendekatan konsep kesusasteraan yang diambil daripada penjelasan sarjana seperti Muhammad Haji Salleh (Konsep Puitika Melayu) tentang hubungan manusia Melayu dengan seni kesusasteraan juga akan diberi perhatian.

Menurut persepsi Confucius, alam seni terutamanya puisi adalah instrumen kepada pendidikan moral,²⁷ seni sastera dan seni budaya walaupun kadangkala menjadi *sub bahagian* antara satu sama lain dan kadangkala saling melengkapi. Oleh itu, metodologi daripada konsep sastera juga harus dilihat sebagai sandaran analisa. Sastera itu sendiri adalah salah satu cabang kesenian budaya yang bertindak sebagai pencatat kehidupan manusia sendiri.

Satu lagi hal yang perlu diambilkira ialah penafsiran terhadap beberapa teori-teori budaya tentang pengkajian manusia Melayu. Himpunan pengkisahan manusia Melayu yang lebih bersifat antropologikal dan sosiologikal melihat secara teori-teori tertentu yang cenderung kepada konsep Barat. Ini harus merujuk pula kepada kesesuaianya dengan manusia Timur apalagi manusia Melayu di kepulauan Nusantara ini. Aplikasi ini kelihatan agak kurang jelas apalagi pendekatan psikologi moden ditemukan dengan proses pemikiran dan pencetusan perlakuan manusia tradisional seperti manusia Melayu tradisional itu. Walaupun penafian ini tidak merujuk bahawa sebarang pengkajian perlu hidup di ruang waktu yang sama dengan manusia tradisional itu tetapi adalah sangat penting untuk mewarisi tradisi leluhur manusia Melayu tradisional itu.

Keadaan ini menjanjikan analisa yang lebih baik berbanding daripada semata-mata cuma menjadi pemerhati tanpa ikut campur dan turut menanyakan sebab akibat kepada diri sendiri untuk pengkajian ini.

²⁷ Fung Yu Lan, 1966. *A Short History Of Chinese Philosophy*. (Toronto: Collier-MacMillans Ltd.), hlm 23.

1.9 RUANG LINGKUP KAJIAN

Siapakah manusia Melayu tradisional itu sebenarnya? Inilah yang harus dilihat dari kacamata pelbagai aspek budaya Melayu yang didasarkan kepada ciri-cirinya yang tertentu. Manusia Melayu boleh dikenali daripada etimologi nama Melayu itu sendiri, peninggalan artifak seperti bentuk rumah, bentuk-bentuk kesenian tradisional. Ini termasuklah seni muzik, tarian dan nyanyian yang mampu bertahan dan sifat-sifat diri yang masih diamalkan di dalam kehidupan secara peribadi mahupun bermasyarakat seperti gotong royong. Malah dari segi pensejarahan, penghijrahan orang Melayu dari tanah besar China juga mampu dikaji berdasarkan fakta sejarah dan asal usul etnografi bangsa ini.

Namun, di dalam kajian ini, pengkaji tidak bermaksud untuk memerikan sifat-sifat yang lebih cenderung kepada kajian antropologikal dan sosiologikal. Bagaimanapun, ciri-ciri tersebut tetap dilihat oleh pengkaji kerana setiap yang berkenaan dengan diri orang Melayu itu memang tidak boleh dipisahkan daripada kaitan leluhur manusia Melayu. Ini, dilihat oleh pengkaji sebagai bahan sumbangan para antropologis yang mungkin dapat membantu melihat cetusan tata kebudayaan kehidupan manusia Melayu.

Dalam pengkajian dan analisa tulisan ini, haruslah dinyatakan dan diperingatkan secara jelas bahawa pengkajian ini juga tidaklah melihat kepada

siapa orang Melayu itu dari aspek pensejarahannya dan perkembangan kehidupannya. Kajian ini seperti yang dinyatakan pada awalnya cenderung mendekati pembentukan peradaban dari aspek pemikiran menurut jalan ilmu falsafah dan bagaimana proses kehidupan yang berlangsung membentuk keperibadian. Bagaimanapun, ini tidak boleh tidak akan turut mendekati dan memperkatakan sifat-sifat orang Melayu yang menyumbang kepada idea hasil pemikirannya.

Pengkajian juga melihat bahawa manusia/masyarakat Melayu yang dimaksudkan dalam pengkajian ini ialah manusia/masyarakat Melayu zaman tradisional. Secara jelas, sistem etika yang mahu dikaji itu adalah bentuk sifat-sifat yang dipakai manusia lama seperti tersebut di dalam dokumen lisan tentang masyarakat Melayu tradisional iaitu pantun itu sendiri. Ini bermakna sifat perlakuan manusia Melayu yang dikaji itu adalah yang mewarisi idealisme sifat dan perlakuan tradisi. Konsep kesusasteraan Melayu moden sendiri dikatakan bermula pada abad ke 19 (tahun-tahun 1800-an).

Segala konsep kehidupan tradisional tersebut mungkin sahaja tidak benar-benar diperaktikkan tetapi nilai idealismenya itulah yang cuba dikaji menurut analisa falsafah kebijaksanaannya. Sistem dan tingkah laku itu juga tidak akan dilihat sama ada ia kekal subur sehingga kini kerana pengkajian tidak melihat lintasan ruang waktu tetapi kepada pencetusan tingkah laku, proses kelangsungan dan sebab akibatnya pada zaman masyarakat tersebut.

Kata "tradisional" menurut tahap zaman itu terbatas sebagai kata sifat yang dapat memberi bentuk dan tubuh ruang berserta sempadan waktu subjek objek kajian. Bagaimanapun, berdasarkan makna tradisional yang dipegang seperti definisi yang disertakan, ruang lingkup sempadan waktu tradisional itu masih mempunyai perkaitan yang jelas dengan bidang falsafah etika, manusia Melayu tradisional dan pantun Melayu sendiri seperti yang mahu ditemukan di dalam kajian ini.

1. *Tradition, in the strict sense, is a neutral term used to denote the 'transmission', usually oral, whereby modes of activity or taste or belief are handed down ('given across') from one generation to the next, and thus perpetuated. Thus as applied to social institutions tradition is the vehicle through which every child learns something of the mores and stock of accumulated knowledge and prejudice of his forefathers.*²⁸

2. *Tradition: the handing down of beliefs and customs by word of mouth or by example without written instruction; a belief or custom thus handed down; an inherited pattern of thought or action.*²⁹

Sejauh mana kemurnian nilai-nilai tradisional yang diwarisi masyarakat Melayu tidak semata-mata melihat kepada ruang waktu sebelum 1800 (zaman bermulanya kesusasteraan Melayu Moden dengan merujuk kepada tulisan-tulisan Abdullah Munsyi yang dianggap sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden).

²⁸ *The Merriam-Webster Dictionary*, 1974. (New York: Pockect Book Publisher), hlm 723

²⁹ *Ibid.*, hlm 723.

Tradisional adalah kata sifat yang bermaksud menurut adat resam³⁰ ataupun sesuatu kebiasaan yang kekal turun temurun, contohnya adat dan kepercayaan. Masyarakat tradisional menurut *Kamus Dewan* ialah masyarakat yang mengamalkan cara hidup yang turun temurun.³¹ Seperti tulisan Taib Osman di dalam bukunya *Malay Folk Beliefs* (1989):

*At the time of full contact with the West during the last century, Malay society and culture maintained their traditional characteristics.*³²

Ciri-ciri dan sifat tradisional yang mungkin sahaja ditampilkan di dalam kajian ini sudah tentu akan merujuk kepada kalimat-kalimat yang terdapat di dalam pantun-pantun yang menjadi bahan kajian. Ia akan dijelaskan dengan peranan kalimat-kalimat sebagai simbol semiotik masyarakat tradisional, contohnya, untuk menilai sistem sosial dan pandangan dunia (*worldview*) manusia ketika itu.

Hal ini sudah tentu harus memberi perhatian yang lebih kepada fungsi bahasa sebagai wahana komunikasi lisan waktu tradisional berbanding melihat kajian menurut sempadan latar zaman yang tertentu menurut tuntutan masa: hari, bulan dan tahun. Sejauh mana nilai tradisional itu masih dipakai kelompok masyarakat yang masih meletakkan dirinya sebagai manusia lama, merupakan hal bersifat sekunder. Kajian ini lebih menekankan kepada melihat aplikasi

³⁰ *Kamus Dwi Bahasa*. 1993. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm 1339.

³¹ Teuku Iskandar (ed.), *op. cit.*, hlm 1386.

³² Mohd Taib Osman, 1989. *Malay Folk Beliefs*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka), hlm 45.

Letak duduk tiap kalimat pantun mengatur satu bentuk sistem bahasa Melayu tradisional yang berkemajuan. Kalimat-kalimat di dalam pantun Melayu inilah yang diharapkan akan dapat memberi garis panduan dan sempadan-sempadan nilai tradisional yang memegang manusia Melayu lama itu.

Keterbatasan yang wujud kepada ruang definisi etika dan falsafah pula melihat bagaimana aplikasi di antaranya dengan subjek manusia Melayu dan pantun yang dipilih. Walaupun metodologi etika akan menyangkut kepada pemikiran Barat terutamanya pada idealisme rasional, iaitu penggunaan akal, ia juga akan banyak menyentuh ilmu falsafah Islam dan falsafah Timur sendiri. Hal ini sangat penting kerana agama Islam dan nilai ketimuran itu dikira sebagai aspek peribadi yang sangat kuat kepada manusia Melayu.

Selain dilihat sebagai ciri-ciri yang terpakai oleh peribadi manusia Melayu tradisional, kepentingan falsafah Islam dan falsafah Timur harus dilihat sebagai kayu ukur untuk menilai sejauh mana sifat universal falsafah itu dapat berlangsung kepada manusia dan kehidupannya. Walaupun falsafah Islam dikatakan bertitik tolak daripada bidang dan keilmuan falsafah Barat, tetapi falsafah Islam di bawah sarjana-sarjananya yang ternama seperti Al-Farabi (870-950 M), Al-Ghazali (1058-1011 M) dan Ibn Rushd (1126-1196 M) telah membentuk konsep dan pemikiran falsafah berlandaskan agama Islam. Ini sangat penting kerana manusia Melayu zaman tradisional sangat sinonim

dengan agama Islam yang berkembang dengan gemilangnya di Nusantara pada abad ke-14 dan 15 Masihi.

Pada satu persepsi lain, apabila manusia berbicara tentang manusia, yang membezakannya adalah kepada relatif budaya (*cultural relative*) keseluruhannya; keadaan, status dan zaman. Menurut keadaan yang lain pula, aspek kemanusiaan sebenarnya lebih bersifat universal maka ada kemungkinan kekuatan aspek etika ini akan ditafsirkan dan disokong menurut *maxim* tertentu.

Dengan *maxim* yang cenderung merujuk tatacara kehidupan dengan nilai tradisional, ideal dan universal akan menjadi bantu untuk mendapatkan gambaran yang lebih baik bagi menganalisis perbandingan manusia Melayu dengan manusia lain.

1.10 ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini akan terbahagi kepada lima bab.

Bab Pengenalan akan menjurus kepada pendahuluan dan penyataan mengenai kajian yang melibatkan dua hal penting iaitu rasional pemilihan tajuk dan kajian itu sendiri. Ia memperlihatkan ciri-ciri dua hal utama kajian iaitu hubungan falsafah dengan manusia Melayu serta pantun yang mampu memberi tautan antara kedua-duanya. Ini termasuklah menjelaskan mengapa pantun Melayu (dokumen kajian) diangkat sebagai wacana ilmu mengungkapkan satu bentuk falsafah Melayu. Satu hal penting yang lain ialah melihat metodologi yang digunakan untuk menganalisis hubungkait subjek objek kajian pada hipotesis yang cuba dibentangkan iaitu konsep budi yang sangat sinonim dengan nama Melayu itu sendiri. Di sini akan dijelaskan bagaimana konsep budi itu menjadi kunci emas kepada pemikiran dan peribadi manusia Melayu tradisional.

Bab Dua akan mengkhusus kepada pengenalan disiplin falsafah secara umum. Ia juga menampilkan asal usul disiplin ini, bidang-bidangnya, definisi dan makna falsafah dalam kehidupan. Bab ini turut melihat perkembangan bidang falsafah Barat secara historikal pada peringkat awal serta meninjau hubungan falsafah menurut pandangan Islam (konsep akhlak) dan perkembangan awal falsafah Timur (China dan India).

Bab Tiga pula menganalisis ilmu dan penghuraian falsafah etika. Turut diperbincangkan ialah tiga aspek utama falsafah etika, iaitu etika, akhlak dan moral. Pengkaji juga cuba menjelaskan falsafah etika manusia Melayu tradisional dalam membantu menyempurnakan sistem kosmos peribadi manusia Melayu tradisional dalam keselarasan hidup yang harmoni.

Bab Empat akan meninjau analisa orientasi budi dalam disiplin falsafah etika dan hubungannya dengan proses cetusan kebijaksanaan masyarakat Melayu di dalam teks-teks pantun Melayu tradisional terpilih. Penghuraian timbalbalas (*reciprocal*) formalistik - psikologi - pemikiran yang lebih jelas ditimbulkan untuk melihat bagaimana setiap pemilihan patah kata pantun tersebut mendefinisikan setiap perincian peribadi dan budi manusia Melayu. Ini adalah pembuktian bahawa sebagai sebuah dokumen besar, pantun menjadi rujukan akal budi dan hati budi kepada setiap langkah kehidupan manusia Melayu sejak diberi roh di tubuh badan oleh Tuhan sehingga ia kembali mengadap Yang Empunya.

Bab Lima akan merumuskan suatu kesimpulan termasuklah mengesahkan hipotesis pengkaji bahawa selama ini konsep budi di dalam pantun telah disebutkan pada pemahaman yang tidak menepati makna budi itu sebenarnya. Dijelaskan pada kesimpulan ini juga bagaimana konsep budi menjadi pencetus utama kelangsungan idea dan aksi manusia Melayu. Budi sebagai inti falsafah etika manusia Melayu tradisional mewakili keseluruhan diri

masyarakatnya, melintasi relatif zaman dan status manusianya menurut konsep keindahan yang sangat harmoni.

Budi Melayu adalah mutlak jatidiri Melayu, menampilkan peribadi Melayu yang paling sempurna, pada kehalusannya yang khas. Budi jugalah yang menjadi inti dominan dan mempunyai signifikan falsafah bangsa yang besar bagi mengungkap keseluruhan sistem etika masyarakat Melayu tradisional. Seperti yang diucapkan oleh sarjana sastera Melayu klasik yang tersohor, R.O Winstedt:

*But in the pantun, Malay literature is almost the first time original, owing no debt to foreign sources and nowhere else does it reach so high a level.*³³

Dalam usaha mencari kehalusan dan kesempurnaan penjelasan etika masyarakat Melayu tradisional ini, sesungguhnya pantun Melayu yang terucap semenjak zaman manusia Melayu tradisional ada menyimpan hikmah manusia-alam-Tuhan sebagai dokumen sejati untuk mempertahankan keluhuran peribadi hidup mereka.

³³ R.O Winstedt, 1991. *op. cit.*, him 146.

KESIMPULAN

Adalah sangat sukar untuk memberi satu penilaian yang jelas terhadap kehidupan masa yang telah lalu, dengan hanya bercerminkan tradisi kehidupan yang semakin hilang amalannya. Pengisian makna sesuatu bangsa itu sememangnya boleh dihidupkan dengan mengembalikan kehadiran suasana ruang tempat dengan membina bangunan-bangunan menurut status zaman tersebut tetapi apa sebenarnya yang akan mengisi ruang pemikiran dan perasaan akan akhirnya ditinggalkan.

Orang Melayu akan tetap menjadi orang Melayu, atas nama bangsa dan manusianya. Tetapi bagaimana mahu memberi satu ciri istimewa sekiranya bukti kewujudan bangsa Melayu itu semata-mata atas gambaran dan lakaran tiga dimensi bangunan seperti yang dibina lebih 600 tahun yang lalu. Dalam masa yang sama, asal usul dan akar umbi peribadi manusia Melayu itu hilang dalam waktu kehidupan yang menuruti pantasnya kemajuan zaman menjelang abad 21.

Menggali leluhur berdokumentasikan teks-teks pantun berisi mentifik yang tidak ternilai harganya namun semakin lenyap di kalangan anak warisan sendiri tidak merupakan hal yang mudah. Inilah yang berlaku kepada pengkajian ini yang cuba mencari erti sebenarnya hikmah bijaksana yang diagung-agungkan

oleh manusia Melayu iaitu budi tanpa secara jelas memahami apakah budi dan nilainya yang sangat halus itu.

The purpose of the study of philosophy is to enable a man, as a man, to be a man, not some particular kind of man.³⁴

Bidang falsafah sebagai induk ilmu manusia bijaksana bermula dengan pertanyaan-pertanyaan peribadi "siapa aku sebenarnya?" dan mampu membongkar pelbagai persoalan jagat raya dan jutaan manusianya dengan pelbagai jawaban di dalam hidup.

Manusia Melayu juga mampu menggali dan mengenali leluhur dengan proses kebijaksanaan yang sama. Berbekalkan akal budi dan akal rasa, manusia Melayu bukan sahaja akan membawa dirinya mencari kekuatan akar umbi, malah akan turut menikmati hasil daripada harga diri sebagai manusia Melayu yang istimewa.

Tidak ada perkara yang lebih penting dibandingkan kekayaan budi dalam diri manusia kerana ia adalah anugerah Tuhan yang sangat istimewa. Akal yang dikurniakan Tuhan membezakan manusia dengan haiwan. Akal juga adalah mutiara jernih yang mencetuskan titik mula dan titik kembali kepada fitrah kejadiannya iaitu untuk melakukan kebaikan di muka bumi ini. Akal membina diri

³⁴ Fung Yu Lan, *op. cit.*, hlm 11.

manusia sebenarnya. dari cetusan niat menuju ke tingkah laku dan akhirnya kolektif pemikiran membentuk lingkungan murni peradaban besar.

Bersandarkan bukti jelas melalui hasil seni seperti pantun Melayu yang berharga itu. terpancarlah peradaban pemikiran (mentifik) cemerlang dalam seni falsafah seperti yang dibina oleh manusia Melayu dahulu. Kepada masyarakat tradisional Melayu yang mudah sifatnya, akal fikir yang dipanggil budi itulah yang memelihara dan membentuk peribadi istimewa seluruh bangsanya melintasi masa dan merencam segala macam suasana.